

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 05 MAC 2024
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 2

RM5b khusus bantu syarikat Bumiputera

Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan RM20b

RM5b khusus bantu syarikat Bumiputera

Beberapa sektor pertumbuhan baharu diutamakan jayakan kerangka Ekonomi MADANI

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
 Hazwanfaisal@bhnews.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mengumumkan sebanyak RM5 bilion daripada jumlah pembiayaan RM20 bilion bagi 2024 yang dijamin di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan dikhususkan untuk syarikat Bumiputera.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata dana jaminan itu juga akan mengutamakan sektor pertumbuhan baharu Ekonomi MADANI.

Katanya, di samping itu tumpuan akan diberikan kepada usaha pengidgitalan oleh syarikat perusahan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

"Tumpuan SJPP untuk tahun ini dengan peruntukan khusus bagi bidang ekonomi hijau, teknologi moden, penjagaan kesihatan dan halal adalah bagi mendukung kerangka Ekonomi MADANI termasuk sektor keutamaan di bawah Pelan Hala Tuju, Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP).

Penyediaan peruntukan jaminan di bawah SJPP adalah bagi memastikan bahawa penstrukturan semula ekonomi bukan hanya memabitkan syarikat besar dan multinasional, tetapi turut disokong PMKS yang ingin menceri bidang pertumbuhan baharu.

"Selaras dengan pendekatan terangkum ini, sukacita mengumumkan sebanyak RM5 bilion daripada jumlah pembiayaan RM20 bilion bagi 2024 yang dijamin di bawah SJPP akan dikhususkan untuk syarikat Bumiputera," katanya.

Pelawa usahawan Bumiputera
 Beliau berkata demikian pada majlis peluncuran SJPP dan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) Belanjawan 2024, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas Sdn Bhd, Juanita Rusmini Abdul Jalil.

Sementara itu, Amir Hamzah mempelawa usahawan Bumiputera yang mempunyai idea bernas dan model ekonomi yang baik tampil untuk mendapatkan peluang pelaburan daripada syarikat-pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).



Amir Hamzah menyampaikan ucapan pada majlis peluncuran Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan dan Skim Jaminan Kredit Perumahan Belanjawan 2024, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Katanya, ia susulan pengumuman dana RM1 bilion oleh Perdana Menteri, Sabtu lalu pada Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) untuk menghasilkan usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi.

"Dana ini akan diusahakan oleh GLIC di mana mereka telah memperuntukkan dana untuk melabur ke perniagaan permulaan dan perniagaan bidang pertumbuhan tinggi.

"Kita harap dengan adanya da-

na yang diterbitkan GLIC ini, ia menjadi satu peluang untuk membolehkan mereka melabur dalam perniagaan yang diusahakan oleh usahawan Bumiputera.

"Yang pentingnya adalah untuk pengusaha datang ke depan dengani idea yang bernas dan dengan model ekonomi yang boleh dilaksanakan untuk dilaburkan oleh GLIC untuk merancakkan ekonomi kita," katanya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sabtu lalu mengumumkan yang kerajaan akan memperuntukkan dana berjumlah RM1 bilion bagi melahirkan generasi baharu usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi yang akan dikendalikan oleh GLIC.

Ibadat & Fadilat

Abdullah Ibnu Amir RA berkata: Aku bertanya kepada Nabi SAW: 'Wahai Rasulullah, apakah ganjaran dan pahala majlis zikir?' Baginda bersabda: 'Ganjaran bagi majlis zikir ialah syurga, syurga.' (HR Ahmad dan Tabarani)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
Kangar	6:21	1:32	4:48	7:32	8:42
Alor Setar	6:21	1:32	4:48	7:32	8:41
P. Pinang	6:21	1:32	4:47	7:32	8:42
Ipoh	6:18	1:30	4:44	7:30	8:40
Kuala Lumpur	6:15	1:27	4:41	7:28	8:37
Shah Alam	6:15	1:27	4:41	7:28	8:37
Johor Bahru	6:05	1:19	4:30	7:20	8:29
Kuantan	6:10	1:22	4:35	7:23	8:32
Seremban	6:14	1:26	4:38	7:27	8:36
Bandar Melaka	6:13	1:25	4:37	7:26	8:35
Kota Bharu	6:14	1:25	4:40	7:25	8:30
K. Terengganu	6:10	1:21	4:36	7:21	8:30
Kota Kinabalu	5:18	12:29	3:44	6:29	7:39
Kuching	5:41	12:54	4:05	6:55	8:04